



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

LIMA TERAS PELAN TINDAKAN PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL KEBANGSAAN (PEKERTI), ELAK GOLONGAN MUDA TERJEBAK TINGKAH LAKU TIDAK SIHAT

PUTRAJAYA, 8 SEPTEMBER – Lima teras Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) Tahun 2022-2025 elak golongan muda terjebak dengan tingkah laku tidak sihat dilancarkan hari ini oleh YB Datuk Seri Rina Mohd. Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertempat di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Pelaksanaan pelan ini merangkumi advokasi, promosi dan pencegahan, pembangunan modal insan, penyelidikan dan pembangunan serta pemantauan dan penilaian.

Berdasarkan statistik kes gejala sosial yang melibatkan isu seksual termasuk jenayah seksual yang direkodkan menerusi Sistem Maklumat Nasional Isu-Isu Sosial (MaNIS) oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk tahun 2020, kes kehamilan remaja yang belum berkahwin mencatatkan sebanyak 9,083 kes, bagi kes rogol remaja pula adalah 1,378 kes manakala kes pembuangan bayi sebanyak 125 kes. Ini menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun 2019 iaitu kes kehamilan remaja yang belum berkahwin sebanyak 10,349 kes, 1,453 kes rogol remaja dan pembuangan bayi sebanyak 104 kes.

Pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial merupakan satu proses pembelajaran sepanjang hayat yang merangkumi aspek biologi, sosial, psikologi, kerohanian dan budaya sebagai asas kepada pembangunan insan, keluarga dan negara yang sihat dan sejahtera. Dasar dan Pelan Tindakan PEKERTI yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 27 April 2022 ini telah mengambil kira kepelbagaian agama, kumpulan umur, budaya, jantina serta nilai hidup masyarakat di Malaysia. Ia juga selari dengan sasaran Matlamat 5 Pembangunan Mampan (SDG) 2030 iaitu mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa golongan wanita dan kanak-kanak perempuan.

Dalam ucapan perasmian, YB Datuk Seri Rina Harun berkata, “Pengetahuan masyarakat khususnya golongan remaja mengenai seksual dan reproduktif masih perlu ditingkatkan dari masa ke masa. Saya yakin dan percaya bahawa dengan adanya dasar dan pelan tindakan ini, pengetahuan mengenai kesihatan reproduktif dan sosial akan mengelakkan golongan muda dari terjebak dalam tingkah laku kesihatan reproduktif dan sosial yang tidak sihat”.

Jawatankuasa Penasihat dan Penyelaras untuk Kesihatan Reproductif (ACCRH) yang diterajui oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) juga dilihat perlu memainkan peranan yang signifikan dalam membantu memantau serta menilai pelaksanaan dan perkembangan program dan tindakan semua agensi terlibat. Jawatankuasa ini boleh dijadikan sebagai platform untuk agensi peneraju melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan.

“KPWKM akan terus komited dalam melipatgandakan usaha memperkasakan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial dan berharap pendekatan strategi dan aktiviti yang ditetapkan dalam pelan tindakan ini dapat diperluaskan lagi ke seluruh negara untuk dimanfaatkan oleh masyarakat. Saya juga berharap agar semua pihak yang terlibat akan menyokong usaha murni ini serta memperjuangkan hak kesihatan reproduktif dan sosial khususnya melibatkan generasi muda bagi menjamin keselamatan kanak-kanak dan remaja, seterusnya meningkatkan kesejahteraan masyarakat” ujar beliau lagi.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh YB. Dato Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr. Hishamuddin Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWKM, Dato’ Haji Suhaimi Mohd Ghazali Pengerusi LPPKN, Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN serta wakil agensi kerajaan, badan antarabangsa, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelajar-pelajar.

####

**Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat**